



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEFAHAMAN DAN KEYAKINAN GURU-GURU EKONOMI
RUMAHTANGGA DI NEGERI SELANGOR DALAM
PENILAIAN BERFORMAT BARU**

ANIS BINTI ZAKARIA

FPP 2001 19

**KEFAHAMAN DAN KEYAKINAN GURU-GURU EKONOMI
RUMAHTANGGA DI NEGERI SELANGOR DALAM
PENILAIAN BERFORMAT BARU**

Oleh

ANIS BINTI ZAKARIA

**Tesis ini Diserahkan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Februari 2001



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**KEFAHAMAN DAN KEYAKINAN GURU-GURU EKONOMI
RUMAHTANGGA DI NEGERI SELANGOR DALAM PENILAIAN
BERFORMAT BARU**

Oleh

ANIS BT. ZAKARIA

Februari 2001

Pengerusi : Dr. Rosini bt. Abu

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau kefahaman dan keyakinan guru-guru Ekonomi Rumahtangga (ERT) dalam melaksanakan Penilaian Berformat Baru (PBB). Responden kajian terdiri dari 58 orang guru ERT di Selangor. Data kajian dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang dibentuk sendiri. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ujian khi kuasa dua, ujian korelasi Pearson dan ujian-t melalui perisian *The Statistical Program for Social Sciences (SPSS)*.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman responden tentang elemen kemahiran PBB adalah tinggi. Responden juga berkeyakinan tinggi dalam



menyediakan pelajar yang untuk menjawab soalan dalam enam kategori domain kognitif. Namun begitu responden mempunyai tanggapan yang rendah terhadap kebolehan pelajar-pelajar mereka untuk menjawab soalan dalam domain kognitif.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara taraf pendidikan responden dengan tahap kefahaman elemen kemahiran PBB. Di samping itu kajian mendapati tahap kefahaman responden dari sekolah yang pencapaian subjek ERT di peringkat SPM memuaskan dalam lebih tinggi berbanding dengan responden dari sekolah yang pencapaiannya kurang memuaskan.

Berdasarkan dapatan kajian, dicadangkan guru-guru ERT diberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, Lebih kajian perlu dijalankan berhubung dengan penilaian kerja kursus ERT lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan PBB.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Masters Science

**UNDERSTANDING AND CONFIDENCE AMONG HOME ECONOMICS
TEACHERS IN SELANGOR IN PENILAIAN BERFORMAT BARU**

By

ANIS ZAKARIA

February 2001

Chairman: Dr. Rosini Abu.

Faculty : Educational Studies

The purpose of the study was to look at the Home Economics (HEc) teachers' understanding and confidence level regarding element in Penilaian Berformat Baru (PBB). The respondents comprised of 58 HEc teachers from schools in Selangor. Data were collected using questionnaire and analysed using descriptive statistics, Chi-square, Pearson correlation and t-test, by means of statistical Program for Social Science (SPSS).

The finding showed that respondents possessed a high understanding level regarding elements in PBB. Respondents were also reported to have a high confidence level in preparing the students to answer questions in the



cognitive domain. However, respondents have low perception toward the students' ability to answer question in the cognitive domain.

The finding of the study also revealed that there was a correlation between the respondents' academic status and their level of understanding in PBB. The respondents from schools with HEc good result in SPM have higher level of understanding in PBB compared to respondents from schools with poor HEc result.

Home Economics teachers should be given the opportunity to further study in higher institution. More research are needed related to course work evaluation in HEc especially in the application and implementation of the PBB.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak di Universiti Putra Malaysia terutamanya pegawai akademik di Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah memberi kerjasama, dorongan dan bimbingan yang sangat berguna untuk menyiapkan tesis ini.

Terima kasih ditujukan kepada Dr. Rosini bt. Abu selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak membantu, membimbing dan memberi maklumat serta tunjuk ajar. Sikap terbuka dan dedikasi, prihatin dan bertanggungjawab serta penuh kesabaran dan pengorbanan beliau merupakan faktor yang mendorong terhasilnya kajian ini. Tanpa teguran dan bimbingan beliau, kajian ini mungkin tidak dapat disempurnakan. Sesungguhnya hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas segala kebaikan yang diberikan.

Terima kasih juga dipanjangkan kepada Profesor Madya Dr. Hajjah Hapsah bt. Nawawi dan Dr. Bahaman b. Abu Samah selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak membimbing dan memberi panduan yang amat berguna bagi penulis menyiapkan kajian ini.

Kepada pensyarah-pensyarah di Unit Teknik dan Vokasional, iaitu Cik Geneveive Klang Angking, Tuan Haji Azali b. Mahbar, Profesor Madya Dr.

Abd. Majid b. Konting dan Profesor Madya Dr. Ab. Rahim b. Bakar yang turut memberi pandangan dan pendapat yang berharga dalam proses menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan juga penghargaan ditujukan kepada Puan Alia selaku penolong pengarah di Lembaga Peperiksaan Malaysia yang telah banyak membantu dan memberi maklumat dalam pembentukan soal selidik. Kepada Puan Hjh. Azizah bt. Aziz yang juga telah banyak memberi maklumat serta membantu dalam proses pengumpulan data.

Ucapan penghargaan juga diucapkan kepada guru-guru Ekonomi Rumahtangga di negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama yang sebaiknya dalam memberikan maklumat bagi melengkapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada guru-guru Ekonomi Rumahtangga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terlibat dalam kajian rintis.

Akhirnya kepada suami tercinta, Mohamad Azani yang sentiasa berada di sisi memberi galakan, dorongan dan bantuan dalam usaha menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Muhammad 'Arfan serta keluarga tersayang yang sentiasa memberi semangat untuk meneruskan perjuangan dalam pendidikan.


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Anis bt. Zakaria telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 28hb. Februari 2001 untuk menilai tesis Master Sains yang bertajuk "Kefahaman dan Keyakinan Guru-guru Ekonomi Rumahtangga di Negeri Selangor dalam Penilaian Berformat Baru" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa memperakukan bahawa calon ini layak untuk dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksaan calon adalah seperti berikut:

Turiman Suandi, Ph.D
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosini Abu, Ed.D
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hapsah Nawawi, Ph.D
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Bahaman Abu Samah, Ph.D
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D
Profesor / Timbalan Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 JUN 2001

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains.



AINI IDERIS, Ph. D.
Profesor
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **12** JIJL 2001

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia.


ANIS ZAKARIA
28 April 2001

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBARAN PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
JADUAL KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	9
Persoalan Kajian	10
Kepentingan kajian	11
Batasan Kajian	14
Limitasi Kajian	15
Definisi Operasional	15
Guru Ekonomi Rumahtangga	15
Mata Pelajaran Ekonomi Rumahtangga	16
Penilaian Berformat Baru	16
Elemen	17
Kefahaman Guru	18
Keyakinan Guru	19
Keputusan Memuaskan dan Kurang Memuaskan	19

II	SOROTAN PENULISAN BERKAITAN	
	Pengenalan	21
	Penilaian Berformat Baru	21
	Definisi Penilaian	28
	Model Penilaian Pendidikan KIPP	31
	Penilaian Konteks	33
	Penilaian Input	34
	Penilaian Proses	35
	Penilaian Produk	36
	Masalah Guru Sendiri Terhadap Penilaian	43
	Kefahaman Guru	46
	Hubungan Kefahaman Guru dengan Faktor Latar Belakang	49
	Keyakinan Guru	53
	Hubungan Keyakinan Guru dengan Faktor Latar Belakang	55
	Tanggapan Guru Terhadap Kebolehan Pelajar	57
	Kesimpulan	59
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	61
	Kerangka Teori Kajian	62
	Penilaian Konteks	63
	Penilaian Input	64
	Rekabentuk Kajian	67
	Lokasi Kajian	67
	Populasi Kajian	68
	Pemilihan Responden Kajian	69
	Instrumentasi	69
	Pengumpulan Data	74
	Penganalisan Data	75
IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan	84
	Analisis Pendahuluan	85
	Profil Umur, Taraf Pendidikan, Pengkhususan dan Pengalaman Mengajar ERT	86
	Profil Pengajaran Responden	89
	Profil Kehadiran Kursus Penilaian Berformat Baru	92
	Kefahaman Guru-guru ERT Tentang Enam Elemen Kemahiran Penilaian Berformat Baru	95

Elemen Kemahiran Amali.....	99
Elemen Kemahiran Komunikasi	103
Elemen Kemahiran Merekacipta	104
Elemen Kemahiran Menyiasat.....	105
Elemen Kemahiran Mengorganisasi.....	106
Elemen Kemahiran Mentaksir	108
Keyakinan Guru ERT Menyediakan Pelajar Dalam Enam Kategori Domain Kognitif.....	109
Tanggapan Guru ERT Terhadap Tahap Kebolehan Pelajar Dalam Enam Kategori Domain Kognitif.....	113
Hubungan Tahap Kefahaman Guru ERT Dalam Melaksanakan Enam Elemen Kemahiran Dengan Faktor Latar Belakang	116
Hubungan Antara Tahap Kefahaman Dengan Taraf Pendidikan.....	116
Hubungan Antara Tahap Kefahaman Dengan Pengalaman Mengajar dan Tempoh Mengikuti Kursus	118
Hubungan Tahap Keyakinan Guru-guru ERT Dalam Menyediakan Pelajar Dalam Enam Kategori Domain Kognitif Dengan Faktor Latar Belakang Guru	119
Hubungan Antara Tahap Keyakinan Dengan Taraf Pendidikan.....	119
Hubungan Antara Tahap Keyakinan Dengan Pengalaman Mengajar dan Tempoh Mengikuti Kursus	121
Perbandingan Tahap Kefahaman Dalam Melaksanakan Enam Elemen Kemahiran Antara Guru Dari Sekolah Berpencapaian Memuaskan Dengan Kurang Memuaskan Dalam Mata Pelajaran ERT	122
Kesimpulan.....	125
V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	126
Ringkasan Objektif dan Metodologi Kajian.....	126
Hasil Kajian dan Perbincangan	130
Maklumat Latar Belakang Kajian	130
Rumusan dan Perbincangan Hasil Kajian	131
Tahap Kefahaman Guru ERT Tentang Enam Elemen Kemahiran PBB	132
Tahap Keyakinan Guru ERT Dalam Menyediakan Pelajar Dalam Domain Kognitif	134
Tanggapan Guru ERT Terhadap Tahap Kebolehan Pelajar Dalam Enam Kategori Domain Kognitif.....	137

Hubungan Tahap Kefahaman Guru ERT Tentang Enam Elemen Kemahiran Dengan Faktor Latar Belakang.....	139
Hubungan Tahap Keyakinan Guru-guru ERT Menyediakan Pelajar Dalam Domain Kognitif Dengan Faktor Latar Belakang Guru.....	142
Perbandingan Tahap Kefahaman Dalam Melaksanakan Enam Elemen Kemahiran Antara Guru Dari Sekolah Berprestasi Memuaskan Dengan Kurang Memuaskan Dalam Mata Pelajaran ERT	146
Kesimpulan.....	147
Cadangan dari Dapatan Kajian	151
Cadangan untuk Kajian Lanjutan.....	157
BIBLIOGRAFI.....	160
LAMPIRAN	170
1. Senarai Enam Elemen Kemahiran Dalam Penilaian Berformat Baru.....	171
2. Soal Selidik Kajian.....	173
3. Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia	185
4. Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.....	188
BIODATA PENULIS.....	191

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Perbandingan analisis keputusan mata pelajaran ERT SPM negeri Selangor bagi tahun 1996,1997, 1998 dan 1999.....	6
2. Taburan profil umur, taraf pendidikan, pengkhususan dan pengalaman mengajar ERT	88
3. Taburan profil pengajaran responden	91
4. Taburan profil kehadiran kursus PBB	94
5. Taburan tahap kefahaman keseluruhan elemen kemahiran PBB.....	96
6. Tahap kefahaman kriteria elemen kemahiran PBB.....	98
7. Tahap kefahaman elemen kemahiran amali	100
8. Tahap kefahaman elemen kemahiran komunikasi	103
9. Tahap kefahaman elemen kemahiran merekacipta.....	104
10. Tahap kefahaman elemen kemahiran menyiasat.....	105
11. Tahap kefahaman elemen kemahiran mengorganisasi	107
12. Tahap kefahaman elemen kemahiran mentaksir.....	108
13. Taburan tahap keseluruhan keyakinan guru-guru ERT menyediakan pelajar	110
14. Taburan tahap keyakinan guru-guru ERT menyediakan pelajar	112

Jadual	Halaman
15. Taburan tanggapan guru-guru ERT terhadap tahap Kebolehan pelajar.....	114
16. Taburan tanggapan guru-guru ERT terhadap tahap kebolehan pelajar dalam keseluruhan kategori domain kognitif	115
17. Analisis jadual silang dan khi kuasa dua tahap kefahaman elemen kemahiran PBB dengan faktor latar belakang (taraf pendidikan).....	118
18. Analisis korelasi Pearson Product Moment kefahaman dengan faktor latar belakang (pengalaman mengajar dan tempoh mengikuti kursus)	119
19. Analisis jadual silang dan khi kuasa dua tahap keyakinan guru-guru ERT menyediakan pelajar dengan faktor latar belakang (taraf pendidikan).....	120
20. Analisis korelasi Pearson Product Moment keyakinan guru-guru ERT menyediakan pelajar dengan faktor latar belakang (pengalaman mengajar dan tempoh mengikuti kursus)	122
21. Ujian-t bagi membandingkan min keseluruhan kefahaman guru dari sekolah yang mencapai keputusan yang memuaskan dengan yang kurang memuaskan.....	123

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Model Penilaian Pendidikan KIPP (yang telah diubahsuai dan dipermudahkan).....	39
2. Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Kepada Kombinasi Dua Dimensi Model KIPP....	66

SENARAI SINGKATAN

1.	ERT	Ekonomi Rumahtangga
2.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
3.	PBB	Penilaian Berformat Baru
4.	SPSS	The Statistical Program for Social Sciences
5.	KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
6.	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
7.	KH (ERT)	Kemahiran Hidup (pilihan Ekonomi Rumahtangga)
8.	KH (KMT)	Kemahiran Hidup (pilihan Kemahiran Manipulatif)



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Saban tahun, pengumuman keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pastinya akan mendapat liputan yang meluas dari pelbagai media massa tempatan. Apa yang membanggakan kini, keputusan peperiksaan SPM telah menunjukkan prestasi yang memberansangkan dan mengalami peningkatan dari segi peratusan kelulusan pelajar dan juga kualiti pada setiap tahun. Keputusan peperiksaan SPM 1999 umpamanya, telah mempamerkan peningkatan yang baik dari segi bilangan pelajar yang lulus, telah meningkat kepada seramai 205,322 orang berbanding 194,546 orang pada tahun 1998. Dari segi kualiti pelajar juga menunjukkan kenaikan dari segi peratusan pelajar yang memperolehi pangkat satu iaitu sebanyak 25.9% jika dibandingkan dengan hanya 25.4% sahaja pada tahun 1998 (Berita Harian, 2000).

Peningkatan prestasi peperiksaan SPM mahupun peperiksaan yang lain dalam sistem pendidikan negara adalah hasil dari percambahan idea dan fikiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Usaha KPM ini adalah untuk membangun dan mencorakkan sistem pendidikan kebangsaan yang bertaraf dunia dari segi kualiti untuk mencapai aspirasi negara. Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak telah mengumumkan inisiatif KPM ini dalam pembentangan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dan usaha penggubalan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan. Usaha ini adalah untuk mengadakan pendidikan yang lengkap dan kemaskini serta menetapkan matlamat dan fokus strategik bagi membawa sistem pendidikan negara selaras dengan falsafah pendidikan negara (Laporan Tahunan, Kementerian Pendidikan Malaysia 1995).

Ekoran daripada itu, sistem penilaian yang merupakan salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan juga mengalami pelbagai reformasi dan pendekatan baru dalam memastikan pengukuran yang benar-benar dapat mengukur kebolehan pelajar secara meluas dan memenuhi aspirasi pendidikan negara. Sistem penilaian ini memainkan peranan membantu pelajar untuk benar-benar menguasai bidang yang dicenderunginya khususnya dalam mata pelajaran elektif di peringkat

menengah atas. Sehubungan itu, mata pelajaran-mata pelajaran elektif ini berupaya memberi pendedahan serta menyediakan para pelajar ke arah bidang pekerjaan yang ingin mereka ceburi.

Dalam usaha kerajaan menyediakan para pelajar yang benar-benar dapat menguasai bidang pengetahuan serta kemahiran yang diajar di sekolah, beberapa perubahan dalam sistem penilaian dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di seluruh sekolah di Malaysia. Reformasi ke atas sistem penilaian pendidikan yang bermula pada 1996 terus dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2000. Antara mata pelajaran yang telah mengalami reformasi di dalam sistem penilaian adalah mata pelajaran elektif dari kumpulan Vokasional dan Teknologi iaitu Ekonomi Rumah Tangga, Sains Pertanian, Lukisan Kejuruteraan dan Kejuruteraan. Perlaksanaan Penilaian Berformat Baru (PBB) ke atas mata pelajaran tersebut adalah berdasarkan kepentingan bidang tersebut di dalam pembangunan negara.

Peranan guru sebagai pembuat keputusan bagi setiap langkah dalam proses penilaian amat penting dalam proses menjalankan penilaian ke atas pelajar-pelajar di sekolah. Oleh itu setiap guru haruslah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup kerana mereka bertanggungjawab untuk merancang dan membuat keputusan tentang

apa yang perlu dicapai oleh para pelajar dalam pembelajaran. Menurut Cronbach (1982), guru kini yang berperanan sebagai penilai semakin menyedari kepentingan membuat keputusan yang bijak dalam proses penilaian yang dilakukan. Setiap langkah penilaian yang dibuat akan mempengaruhi hasil dari proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan pelaksanaan PBB ini, tugas guru Ekonomi Rumahtangga (ERT) bukan semata-mata hanya mengajar, malah juga bertindak sebagai penilai kebolehan dan pencapaian pelajar-pelajar mereka. Penilaian berformat baru ini melibatkan enam kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu kemahiran amali, kemahiran komunikasi, kemahiran mereka cipta, kemahiran menyiasat, kemahiran mengorganisasi dan kemahiran mentaksir dalam bidang-bidang makanan, pakaian, kekeluargaan dan tempat kediaman. Guru bukan sahaja perlu mengetahui tentang keenam-enam elemen kemahiran tersebut, malah perlu juga memahami, mengaplikasikan, membentuk dan membuat penilaian ke atas pelajar masing-masing. Walaupun latihan serta kursus pendedahan diberikan kepada guru sama ada di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri, namun, masih timbul persoalan adakah guru-guru ini telah benar-benar dapat menguasai elemen-elemen kemahiran baru ini atau masih timbul keraguan serta ketidakpercayaan di kalangan mereka untuk menjalankan penilaian ke atas pelajar-pelajar.

Penyataan masalah

Mata pelajaran ERT membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan sumber bagi meningkatkan kualiti hidup. Melalui PBB ini, pelajar diharapkan dapat memahami dengan mendalam pengisian silibus dan menguasai kemahiran-kemahiran penting dalam mata pelajaran ERT.

Sehubungan itu, prestasi pelajar juga seharusnya lebih memberansangkan kerana pelajar didedahkan dengan kemahiran yang cukup dan ini sudah tentunya dapat membantu pelajar dalam penguasaan pengetahuan. Namun begitu, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, angka peratusan serta kualiti keputusan pelajar-pelajar ERT di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menggambarkan situasi sebaliknya sama ada di peringkat kebangsaan mahupun negeri.

Di negeri Selangor sendiri, pada tahun 1997, 1998 dan 1999, walaupun keputusan SPM pada keseluruhannya mengalami peningkatan yang amat memberansangkan dari setahun ke setahun, namun bagi mata pelajaran ERT mengalami situasi yang sebaliknya. Perbandingan analisis keputusan mata pelajaran ERT bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun-tahun 1996, 1997, 1998 dan 1999 di negeri Selangor adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Perbandingan analisis keputusan mata pelajaran ERT SPM negeri Selangor bagi tahun 1996, 1997, 1998 dan 1999.

Analisis	1996 (n=1526)	1997 (n=1757)	1998 (n=1857)	1999 (n=1762)
Peratus kelulusan (%)	83.65	81.10	73.00	66.60
Bilangan mendapat kepujian	119 (7.8%)	51 (2.9%)	13 (0.7%)	2 (0.1%)
Bilangan gagal	251 (16.0%)	322 (19%)	504 (27%)	590 (33.5%)

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor 1996, 1997, 1998 dan 1999: Laporan Prestasi mata pelajaran ERT SPM.